



Hubungan antara penyertaan dan kepuasan komuniti Iban terhadap bantuan program pembasmian kemiskinan di Daerah Song, Sarawak

Kwok Chin Hoe¹, Haris Abd. Wahab², Asnarulkhadi Abu Samah¹

¹Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, ²Jabatan Pentadbiran dan Keadilan Sosial, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya

Correspondence: Kwok Chin Hoe (email: chinhoekwok@gmail.com)

Abstrak

Tahap kepuasan golongan penerima manfaat terhadap bantuan program pembasmian kemiskinan penting dalam mempengaruhi tingkat penyertaan mereka dalam program berkenaan. Tahap kepuasan yang tinggi terhadap bantuan program yang diterima diyakini menyumbang kepada tahap penyertaan komuniti yang tinggi dalam program pembasmian kemiskinan. Penyertaan yang tinggi ini pula seterusnya menyumbang kepada kejayaan program yang dilaksanakan. Sehubungan dengan itu, artikel ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan antara tahap kepuasan komuniti Iban terhadap bantuan program pembasmian kemiskinan, iaitu Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) dengan tahap penyertaan mereka dalam program di bawah skim berkenaan. Kaedah kaji selidik telah digunakan untuk mengumpul data kajian ini. Seramai 260 orang responden yang terdiri daripada ketua isi rumah (KIR) di rumah panjang telah dipilih secara rawak. Secara keseluruhannya, penemuan kajian menunjukkan lebih daripada separuh (51.9%) KIR dalam kalangan komuniti Iban berada pada tahap sederhana dari segi kepuasan terhadap program di bawah SPKR. Analisis ujian statistik Khi Kuasa Dua pula menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan ($p \leq 0.05$) antara tahap kepuasan terhadap program di bawah SPKR dengan tahap penyertaan mereka dalam aktiviti membuat keputusan, pelaksanaan, berkongsi manfaat dan penilaian program di bawah SPKR. Penemuan ini menggambarkan bahawa semakin tinggi tahap kepuasan masyarakat terhadap bantuan program di bawah SPKR, semakin tinggi pula tahap penyertaan mereka dalam aktiviti membuat keputusan, pelaksanaan, berkongsi manfaat dan penilaian program di bawah skim berkenaan.

Katakunci: kepuasan komuniti, komuniti Iban, pembasmian kemiskinan, pembuatan keputusan komuniti, penyertaan komuniti, perkongsian ganjaran

Poverty eradication programmes and the relationship of community participation and satisfaction: The case of the Ibans of Song District, Sarawak

Abstract

The satisfaction level of aid recipients in a local community with any poverty eradication programme is important in determining their level of participation in the programme: a high satisfaction level is believed to contribute to the community's high level of participation. The high level of participation will in turn contribute to the success of the programme. This study analyses the correlation between the levels of the Iban community's satisfaction with, and participation in the poverty eradication programme initiated under the People's Welfare Development Scheme or *Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat* (SPKR), of the Song District, Sarawak. A questionnaire survey involving a random sampling of 260 respondents comprising the long houses' heads of household (KIR) was conducted to collect the primary data for the correlation statistical analyses. Findings from the analyses showed that more than

half (51.9%) of the sampled KIRs enjoyed average satisfaction with the programme. Chi-Square tests presented a significant ($p \leq 0.05$) correlation between their satisfaction and participation levels in the decision-making, implementation, reward-sharing and assessment activities of the programme, confirming the assumption that the higher the level of satisfaction of the target community with the SPKR poverty eradication programme the higher were their levels of participation in the various activities of the programme.

Keywords: community decision-making, community participation, community satisfaction, Iban community, poverty eradication, reward-sharing

Pengenalan

Penyertaan komuniti adalah kunci kejayaan kepada program pembasmian kemiskinan yang dilaksanakan. Usaha membasmi kemiskinan secara menyeluruh memerlukan sokongan, komitmen dan penyertaan yang aktif dari kalangan komuniti setempat (Kwok & Haris, 2013). Hal ini kerana komuniti setempat lebih tahu akan keperluan utama mereka dan cara mengatasi permasalahan yang berlaku dalam kalangan mereka. Tanpa adanya penyertaan dan kerjasama daripada komuniti setempat, matlamat untuk membasmi kemiskinan secara menyeluruh tidak mungkin dapat dicapai. Kuntavong (1985) menjelaskan yang orang ramai akan terdorong untuk bekerjasama dan melibatkan diri dengan lebih aktif dalam program pembangunan yang telah direncanakan apabila mereka merasakan bahawa program pembangunan tersebut memberi manfaat kepada mereka dan bukan sekadar hanya sebagai penonton kepada pembangunan. Atas dasar ingin mendapatkan sokongan dan kerjasama daripada komuniti setempat, agensi pelaksana perlu memastikan bahawa anggota komuniti dilibatkan dalam menentukan perkara-perkara yang berkait dengan kepentingan komuniti berkenaan. Penduduk setempat juga sepatutnya dilibatkan seawal proses perancangan program pembasmian kemiskinan. Keterlibatan komuniti setempat pada peringkat awal perancangan program membolehkan komuniti itu menentukan matlamat dan membantu memberikan mereka kawalan yang lebih besar terhadap keadaan mereka (Novel et al., 2012). Apabila komuniti memiliki penguasaan dan kawalan yang lebih baik ke atas rangka rancangan sesebuah program, maka ia dapat mewujudkan rasa pemilikan mereka terhadap program yang ingin dilaksanakan. Rasa pemilikan ini seterusnya mampu mendorong, meyakinkan dan memotivasi ahli komuniti untuk melibatkan diri secara aktif sepanjang program tersebut dilaksanakan di tempat mereka. Penyertaan yang aktif ini pula kemudiannya membawa kepada pencapaian objektif program yang disasarkan (Azlizan et al., 2012) dan mampu menyumbang ke arah kejayaan program pembasmian kemiskinan yang diimplementasikan secara bersama antara agensi kerajaan dengan masyarakat lokal. Oleh itu, artikel ini mengandaikan bahawa program yang bermatlamatkan pembasmian kemiskinan sepatutnya menitikberatkan elemen penyertaan komuniti.

Usaha untuk memastikan komuniti setempat melibatkan diri dalam program yang dianjurkan tidaklah semudah yang dijangkakan. Hal ini kerana komuniti setempat hanya akan mengambil bahagian secara aktif dalam aktiviti atau program apabila mereka mempunyai kepentingan tertentu seperti menerima atau menikmati manfaat hasil daripada penyertaan dalam aktiviti tersebut. Dalam erti kata lain, komuniti akan mempertimbangkan antara untung rugi dengan kos yang perlu ditanggung oleh mereka apabila memilih untuk terlibat dalam program pembasmian kemiskinan yang dianjurkan di tempat tinggal mereka. Selain itu, kerelaan mereka untuk terlibat dalam program pembasmian kemiskinan turut dipengaruhi oleh pelbagai faktor sama ada melibatkan faktor diri individu (Kwok & Haris, 2014a; Kwok & Haris, 2014b; Augustine & Paul, 2012), institusi pentadbiran (Finsterbusch & Van Wicklin, 1989; Johnston, 1982) ataupun faktor situasi di tempat tinggal golongan penerima bantuan itu sendiri (Kwok & Haris, 2014c). Artikel ini menghujahkan bahawa tahap kepuasan masyarakat terhadap bantuan program merupakan antara elemen yang berkait secara langsung dengan darjah penyertaan komuniti. Apabila tahap kepuasan komuniti terhadap program tinggi, maka diyakini bahawa tahap penyertaan mereka juga akan berada pada tahap yang tinggi.

Chesoh (2010) dalam artikelnya mendefinisikan kepuasan sebagai “...the act of pleasure, or the state of being pleased; gratification of desire; contentment in possession and delight; repose of mind resulting from compliance with its desires or demands” (Chesoh, 2010:84). Daripada takrifan tersebut, seseorang individu dikatakan telah mencapai kepuasan apabila kehendak, tuntutan atau permintaannya dapat dipenuhi. Terdapat banyak literatur tentang kajian lepas yang menyentuh dan membincangkan isu kepuasan. Namun begitu, kajian tersebut lebih memfokuskan pada bidang kajian kepuasan dalam kerja, kepuasan dalam kalangan pesakit, kepuasan dalam kalangan pelancong dan kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan yang diterima oleh mereka. Terdapat kelompongan yang besar dari segi kajian yang memfokuskan pada pengaruh kepuasan ke atas penyertaan komuniti dalam aktiviti pembangunan berbanding dengan kajian ke atas aspek lain seperti yang dinyatakan di atas. Sedangkan penemuan kajian awal dalam bidang ini oleh para sarjana seperti Glick et al. (1977), Beal (1956), Harp (1959) dan Nancy (1977) menunjukkan terdapat hubungan yang positif antara kepuasan dengan penyertaan dalam aktiviti berkait dengan pembangunan komuniti. Kajian empirikal oleh Glick et al. (1977) dan Gasson (1977) telah menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif yang amat kuat antara kepuasan subjek kajian dengan penyertaan. Dari sudut pandangan ini adalah penting untuk meneliti tingkat kepuasan komuniti Iban terhadap program pembasmian kemiskinan dan pengaruh tingkat kepuasan tersebut ke atas penyertaan mereka dalam program yang dilaksanakan.

Metodologi kajian

Kajian mengenai penyertaan dan kepuasan komuniti Iban terhadap bantuan program di bawah SPKR telah dijalankan dengan menggunakan pendekatan kuantitatif. Sampel yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada 260 orang ketua isi rumah (KIR) yang tinggal di rumah panjang yang ditentukan berdasarkan kepada tiga tahap prosedur persampelan rawak berstrata, iaitu pemilihan kawasan rumah panjang, rumah panjang dan responden kajian. Secara umumnya, terdapat enam kawasan rumah panjang di Daerah Song, iaitu kawasan Batang Rejang Hilir, Batang Rejang Hulu, Katibas Hilir dan Sungai Musah, Tekalit, Katibas Tengah dan Bangkit serta Katibas Hulu. Bagi tujuan kajian ini, hanya tiga daripada enam buah kawasan rumah panjang tersebut telah dipilih sebagai lokasi kajian. Pemilihan kawasan rumah panjang ini telah dibuat secara rawak mudah dengan mengamalkan kaedah cabutan undi. Hasilnya, tiga buah kawasan rumah panjang yang telah terpilih adalah kawasan Batang Rejang Hilir, Batang Rejang Hulu serta Katibas Hilir dan Sungai Musah.

Tahap kedua dalam prosedur persampelan ini melibatkan pemilihan rumah panjang daripada tiga buah kawasan rumah panjang iaitu kawasan Batang Rejang Hilir, Batang Rejang Hulu serta Katibas Hilir dan Sungai Musah yang telah pun ditentukan pada peringkat awal proses pemilihan. Secara keseluruhannya, terdapat sebanyak 82 buah penempatan rumah panjang di ketiga-tiga kawasan berkenaan. Kawasan Batang Rejang Hilir mempunyai 30 buah rumah panjang, kawasan Batang Rejang Hulu mempunyai sebanyak 24 buah rumah panjang, manakala kawasan Katibas Hilir dan Sungai Musah mempunyai 28 buah rumah panjang. Pada peringkat ini, pemilihan rumah panjang dibuat dengan menetapkan sebanyak 10 peratus ke atas ketiga-tiga kawasan rumah panjang (kawasan Batang Rejang Hilir, kawasan Katibas Hilir serta Sungai Musah dan kawasan Batang Rejang Hulu) yang telah dipilih. Hasilnya, tiga buah rumah panjang dipilih dari kawasan Batang Rejang Hilir serta kawasan Katibas Hilir dan Sungai Musah. Manakala dua buah rumah panjang telah dipilih dari kawasan Batang Rejang Hulu.

Selepas selesai membuat pemilihan rumah panjang, langkah ketiga pula melibatkan pemilihan responden kajian daripada lapan buah rumah panjang yang telah terpilih pada tahap kedua prosedur persampelan. Subjek kajian ini adalah “tuai bilik” (ketua keluarga) bagi setiap “pintu” (keluarga) di rumah panjang bagi menjawab borang soal selidik yang telah dibina. Dalam konteks kajian ini, penggunaan terma “tuai bilik” telah digantikan dengan Ketua Isi Rumah (KIR). Pengkaji telah mendapatkan satu senarai lengkap bilangan “pintu” (keluarga) yang terdapat di rumah panjang. Daripada senarai yang diperoleh, dikenal pasti bahawa terdapat 260 buah “pintu” (keluarga) di lapan buah rumah panjang tersebut.

Data primer dikumpulkan dengan mentadbirkan borang kaji selidik yang dibina berpandukan objektif kajian. Maklumat tersebut kemudiannya dianalisis dengan menggunakan perisian komputer “*Statistical Package for Social Sciences*” (SPSS) versi 16.0. Statistik deskriptif digunakan untuk mendapatkan taburan, statistik asas (frekuensi dan peratusan) bagi semua pemboleh ubah dalam kajian. Ujian Khi Kuasa Dua pula digunakan untuk menentukan hubungan antara tahap kepuasan terhadap bantuan program dengan tahap penyertaan komuniti Iban dalam program SPKR.

Dapatan kajian

Kepuasan terhadap SPKR

Dalam kajian ini, kepuasan komuniti Iban terhadap program SPKR diukur berdasarkan kepuasan mereka terhadap (i) kecukupan bantuan, (ii) ketepatan masa bantuan disalurkan, (iii) peningkatan pendapatan hasil daripada bantuan yang diterima, (iv) peningkatan kemahiran hasil daripada bantuan dan (v) peningkatan kualiti hidup keluarga. Kajian menunjukkan sebilangan besar KIR tidak berpuas hati dengan peningkatan pendapatan hasil daripada bantuan program di bawah SPKR (80.8%), peningkatan kemahiran hasil daripada penyertaan dalam aktiviti latihan (66.2%) dan peningkatan kualiti hidup keluarga (60.4%) hasil daripada penerimaan bantuan program di bawah SPKR di tempat mereka (Jadual 1). Walau bagaimanapun, sebilangan besar KIR berpuas hati dengan ketepatan masa penyampaian bantuan di bawah program SPKR (78.1%) yang diterima oleh penduduk rumah panjang. Hanya sebilangan kecil sahaja (19.6%) KIR yang menyatakan bantuan yang disalurkan tidak tepat pada masanya atau mereka lewat menerima bantuan tersebut.

Kajian turut mendapati bahawa lebih separuh (56.2%) daripada keseluruhan KIR tersebut berpuas hati dengan kecukupan bantuan yang disalurkan kepada mereka (Jadual 1). Walau bagaimanapun, ramai juga (40.4%) daripada KIR tersebut masih tidak berpuas hati dengan kecukupan bantuan di bawah SPKR yang disalurkan kepada penduduk rumah panjang. Antara sebab mereka yang merasa tidak berpuas hati dengan kecukupan bantuan yang diberikan mungkin berpunca dari sikap golongan penerima manfaat itu sendiri. Menurut Zauyah et al. (2005), maklum balas golongan penerima bantuan terhadap ketidakcukupan bantuan yang diterima di bawah SPKR lebih menjurus kepada masalah sikap dan bukannya masalah kuantiti bantuan yang disalurkan. Menurut mereka, terdapat mentaliti tidak pernah dan tidak mungkin akan cukup dalam soal menerima bantuan berbentuk “spoon-feeding” daripada kerajaan.

Jadual 1. Kepuasan terhadap program

Pernyataan Kepuasan Terhadap Program	Peratusan Bilangan KIR			
	STM	TM	M	SM
Peningkatan pendapatan hasil daripada bantuan	3.5	80.8	15.8	0.0
Peningkatan kemahiran hasil daripada bantuan	2.7	66.2	31.2	0.0
Peningkatan kualiti hidup keluarga	3.1	60.4	36.5	0.0
Kecukupan bantuan yang disalurkan	3.1	40.4	56.2	0.4
Ketepatan masa bantuan disalurkan	1.9	19.6	78.1	0.4

Nota: STS=Sangat Tidak Memuaskan, TM =Tidak Memuaskan, M=Memuaskan, SM= Sangat Memuaskan

Tahap kepuasan terhadap SPKR

Tahap kepuasan komuniti Iban terhadap program SPKR ditentukan dengan kiraan skor daripada lima pernyataan berkait dengan pengukuran kepuasan terhadap program SPKR. Skala Likert 4-mata digunakan iaitu ‘Sangat Memuaskan’ = 4, ‘Memuaskan’ = 3, ‘Tidak Memuaskan’ = 2 dan ‘Sangat Tidak

Memuaskan' = 1. Penentuan sela skor tahap kepuasan terhadap program adalah berdasarkan nilai purata dan sisihan piawai. Berdasarkan skor yang diperoleh daripada komuniti Iban, tahap kepuasan terhadap program SPKR dikategorikan kepada tiga tahap, iaitu rendah ($\text{Skor} \leq 10$), sederhana ($\text{Skor} 11 - 13$) dan tinggi ($\text{Skor} \geq 14$). Jadual 2 merekodkan keputusan skor purata dan sisihan piawai kepuasan responden terhadap program SPKR dan sela skor tahap kepuasan terhadap program tersebut. Umumnya, kajian ini menunjukkan lebih daripada separuh (51.9%) KIR memperoleh skor antara 11 hingga 13, iaitu berada pada tahap sederhana dari segi kepuasan terhadap program di bawah SPKR (Jadual 2). Bilangan KIR yang berada pada tahap kepuasan tinggi adalah lebih ramai (27.3%) berbanding dengan yang berada pada tahap rendah (20.8%) berkait dengan program di bawah SPKR.

Jadual 2. Tahap kepuasan terhadap program

Tahap Kepuasan		Bil	%
Rendah	(Skor ≤ 10)	54	20.8
Sederhana	(Skor $11 - 13$)	135	51.9
Tinggi	(Skor ≥ 14)	71	27.3
Jumlah		260	100

Skor Purata = 12.05, Skor minima = 5, Sisihan Piawai = 2.0, Skor maksima = 17

Tahap kepuasan dan tahap penyertaan

Hasil ujian statistik Khi Kuasa Dua menunjukkan terdapat perhubungan yang signifikan ($p \leq 0.05$) antara tahap kepuasan komuniti Iban terhadap program di bawah SPKR dengan tahap penyertaan mereka dalam aktiviti membuat keputusan, pelaksanaan, berkongsi manfaat dan penilaian program (Jadual 3). Penemuan ini menggambarkan semakin tinggi tahap kepuasan komuniti Iban terhadap program pembangunan komuniti, maka semakin tinggi pula tahap penyertaan dalam membuat keputusan, pelaksanaan, berkongsi manfaat dan penilaian program. Kepuasan yang tinggi terhadap bantuan program yang disalurkan menggalakkan penyertaan KIR rumah panjang dalam aktiviti membuat keputusan. Penduduk rumah panjang yang berpuas hati dengan sumber bantuan yang telah mereka terima melalui skim ini lebih cenderung melibatkan diri dan mengambil bahagian dalam menghadiri mesyuarat, mengemukakan pendapat atau idea dan mewakili penduduk rumah panjang dalam sesi pertemuan dan perbincangan dengan agensi pelaksana.

Jadual 3. Tahap kepuasan dan tahap penyertaan dalam program

Tahap Kepuasan	Tahap Penyertaan															
	Membuat Keputusan				Pelaksanaan				Berkongsi Manfaat				Penilaian			
	TT	R	S	T	TT	R	S	T	TT	R	S	T	TT	R	S	T
Rendah	25.9	20.4	35.2	18.5	0.0	55.6	40.7	3.7	1.9	57.4	27.8	13.0	3.7	46.3	40.7	9.3
Sederhana	6.7	15.6	57.8	20.0	0.0	13.3	68.9	17.8	0.0	38.5	45.2	16.3	0.0	25.9	37.8	36.3
Tinggi	4.2	2.8	64.8	28.2	0.0	4.2	63.4	32.4	0.0	1.4	49.3	49.3	0.0	9.9	47.9	42.3
Nilai X^2	33.168***				65.436***				65.018***				36.311***			

Nota : TT = Tidak Terlibat, R = Rendah, S = Sederhana, T = Tinggi, * $p \leq 0.05$, ** $p \leq 0.01$, *** $p \leq 0.001$

Selain itu, kepuasan KIR terhadap kecukupan dan ketepatan masa bantuan yang disalurkan turut membantu meningkatkan motivasi mereka dalam memberi sumbangan dari segi tenaga fizikal, wang tunai, kemudahan serta peralatan dalam menjayakan pelaksanaan program di bawah skim tersebut di

kawasan petempatan mereka. Komuniti Iban yang berpuas hati akan lebih mudah untuk terlibat dalam menikmati faedah sosial seperti meningkatkan pengetahuan dan kemahiran menerusi penyertaan dalam aktiviti kursus, latihan, bengkel dan ceramah yang diadakan di bawah skim tersebut. Kepuasan yang tinggi terhadap bantuan program SPKR dalam kalangan penerima bantuan turut membolehkan komuniti rumah panjang terlibat dengan lebih aktif dalam aktiviti penilaian terutamanya mengadakan perbincangan dengan ketua masyarakat, ketua kaum, pegawai program SPKR dan pegawai daripada agensi lain.

Kesimpulan

Kesediaan komuniti tempatan memberikan sokongan, komitmen dan melibatkan diri secara aktif dalam program pembasmian kemiskinan yang diusahakan merupakan kunci kepada kejayaan. Namun begitu, kesanggupan penduduk setempat melibatkan diri dengan program berkenaan pula dipengaruhi oleh pelbagai elemen. Kajian ini menghujahkan bahawa tahap kepuasan yang tinggi terhadap bantuan program adalah elemen yang menyumbang kepada darjah penyertaan isi rumah yang tinggi. Rasional ini disokong menerusi analisis statistik Khi Kuasa Dua yang hasil ujiannya menunjukkan bahawa terdapat perhubungan yang signifikan ($p \leq 0.05$) antara tahap kepuasan komuniti Iban terhadap bantuan program SPKR dengan tahap penyertaan mereka dalam aktiviti membuat keputusan, pelaksanaan, berkongsi manfaat dan penilaian program berkenaan. Penemuan ini menggambarkan bahawa semakin tinggi tahap kepuasan komuniti Iban terhadap bantuan program SPKR, maka semakin tinggi pula tahap penyertaan mereka dalam aktiviti membuat keputusan, pelaksanaan, berkongsi manfaat dan penilaian program. Dari segi tahap kepuasan terhadap bantuan program SPKR, didapati masih ramai penduduk di rumah panjang yang menyatakan tahap kepuasan yang rendah dan sederhana. Berdasarkan fakta itu, tahap kepuasan golongan penerima manfaat terhadap bantuan program pembasmian kemiskinan yang dilaksanakan di rumah panjang harus ditingkatkan demi memastikan lebih ramai penduduk rumah panjang yang berada pada tahap penyertaan tinggi dalam membuat keputusan, pelaksanaan, berkongsi manfaat dan penilaian program. Justeru itu, kajian ini mencadangkan agar strategik program pembasmian kemiskinan yang diusahakan oleh agensi kerajaan pada masa akan datang lebih berfokus kepada pembangunan berpenyertaan, iaitu pendekatan dari bawah yang melibatkan komuniti bukan hanya sebagai penerima program tetapi juga sebagai perencana, perancang dan penentu hala tuju program pembangunan komuniti. Di samping itu, agensi pelaksana program pembangunan perlu memastikan inisiatif yang dilaksanakan menepati "cita rasa" golongan penerima faedah bagi membolehkan tahap kepuasan mereka ditingkatkan ke tahap yang lebih tinggi dan seterusnya memastikan tahap penyertaan komuniti dalam keempat-empat bentuk penyertaan berkenaan juga tinggi.

Rujukan

- Augustine OA, Paul I (2012) Socioeconomic factors influencing farmers' participation in community development organizations in Obubra Local Government Area (LGA) of Cross River State, Nigeria. *Canadian Social Science*, 8(1): 54-59.
- Azilizan Talib et al. (2012) Penyertaan komuniti dalam bidang keusahawanan luar bandar. *Geografia-Malaysia Journal of Society and Space* 8 (9), 84-96.
- Beal GM (1956) Additional hypothesis in participation research. *Rural Sociology* 21(3-4), 249-256.
- Chesoh S (2010) Community perception, satisfaction and participation toward power plant development in Southernmost of Thailand. *Journal of Sustainable Development* 3 (2), 84-88.
- Finsterbusch K, Van WW III (1987) The contribution of beneficiary participation to development project effectiveness. *Public Administration and Development* 7, 1-23.
- Glick W et al. (1977) *Limits to citizen participation: The decline of community organization*. Sage Publication, Beverly Hills.
- Harp J (1959) A general theory of social participation. *Rural Sociology* 24 (3), 280-284.

- Johnston M (1982) The Labyrinth of community participation: Experience in Indonesia. *Community Development Journal* 17(3), 202-207.
- Kuntavong P (1985) Participation in rural development: A case study of a rural development project in Ubolratana Dam Village, Khon Kaen (PhD Dissertation). University of Pittsburgh.
- Kwok CH, Haris Abd Wahab (2014b) Tanggapan komuniti Iban terhadap tahap penyertaan dalam Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR). *Jurnal Pembangunan Sosial* 17, 109-122.
- Kwok CH, Haris Abd Wahab (2014c) Kesan persekitaran fizikal ke atas keterlibatan komuniti Iban dalam program pembangunan di rumah panjang: Suatu pemerhatian awal. *Geografi-Malaysia Journal of Society and Space* 10 (2), 127-132.
- Kwok CH, Haris Abd. Wahab (2013) Sokongan politik dan penyertaan masyarakat dalam program pembasmi kemiskinan di Sarawak. *Geografi-Malaysia Journal of Society and Space* 9 (1), 89-97.
- Kwok CH, Haris Abd. Wahab (2014a) Hubungan antara angkubah sosioekonomi dan penyertaan komuniti Iban dalam program pembangunan diri. *Journal of Business and Social Development* 2(1), 114-122.
- Nancy NC (1977) *The relationship of social activity participation to life satisfaction* (Master Thesis). Baton Rouge.
- Novel L et al. (2012) Pemahaman komuniti Penan tentang makna keperkasaan dalam Program Penempatan Semula (PPS) di Daerah Belaga, Sarawak. *Geografi-Malaysia Journal of Society and Space* 8 (8), 96-105.